

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

HMT 223 – Morfologi Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT [4]** soalan di dalam **TUJUH BELAS [17]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi empat soalan. Anda diwajibkan menjawab kesemuanya dan kesemua jawapan hendaklah ditulis di ruangan yang dikhaskan dalam kertas soalan ini. Tiap-tiap soalan mempunyai pemberatan markah yang sama. Jumlah markah keseluruhan ialah 400.

1. [a] Telitikan data yang berikut ini, dan jawab soalan 1. a [i] dan 1. a [ii].

berbekali	berbekalkan	penulisan	penuliskan
periang	peranan	berumah	peragakan
teruna	selompat	terima	kejutan
sepandai	terbentuk	penyekolahan	perjuangan
semeja	seronok	sepukul	berajakan
tambatan	kehilangan	perutusan	bertembak
terdalam	kefiraunan	keperluan	perbesaran
perbesarkan	perjuangkan	terkaman	selamba

- [i] Tentukan kegramatisan bentuk-bentuk di atas dan tandakan pada data itu dengan tanda (*) bagi bentuk yang tidak gramatis di tempat yang sesuai mengikut konvensi ilmu linguistik.

[20 markah]

...2/-

Angka Giliran: _____ **No. Tempat Duduk:** _____

- [ii] Masukkan bahagian-bahagian elemen yang tertentu di dalam data di atas mengikut keperluan jadual yang berikut ini. (Hanya bentuk yang gramatis sahaja yang relevan untuk bahagian ini.)

[30 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [b] Telitikan data dari bahasa Michoacan Aztec di bawah ini dan jawab soalan 1 [b] [i] dan 1 [b] [ii].

Data:

nokali	“rumah saya”
nokalimes	“rumah-rumah saya”
mokali	“rumah awak”
ikali	“rumah dia (lelaki)”
kalimes	“rumah-rumah”
mopelo	“anjing awak”
mopelomes	“anjing-anjing awak”
ipelo	“anjing dia”
nokwahmili	“ladang jagung saya”
mokwahmili	“ladang jagung awak”
ikwahmili	“ladang jagung dia”

(Sumber : Fromkin dan Rodman, 1998)

- [i] Kenal pasti semua morfem yang terdapat dalam perkataan-perkataan dari bahasa Michoacan Aztec di atas, dan berikan maksud bagi setiap morfem tersebut.

Morfem	Maksud

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[30 markah]

- [ii] Jika perkataan yang bermaksud "kawan" dalam bahasa Michoacan Aztec ialah **mahkwa**, bentukkan pula perkataan bagi maksud berikut:-

- [a] "kawan-kawan saya",
[b] "kawan-kawan", dan
[c] "kawan awak". Masukkan jawapan ke dalam jadual yang berikut ini.

Perkataan	Maksud

[20 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

2. [a] Nyatakan sama ada set perkataan-perkataan di dalam setiap kumpulan berikut adalah tergolong dalam proses infleksi atau derivasi atau kedua-duanya sekali dan beri hujah-hujah yang menyokong jawapan anda. Masukkan jawapan anda ke dalam jadual yang berikut:

		Infleksi/ derivasi ?	Hujah
I. Bahasa Inggeris	<p>[a]</p> <p>go 'pergi' goes 'pergi' going 'sedang pergi'" gone 'sudah pergi"</p>		
	<p>[b]</p> <p>driver 'pemandu' worker 'pekerja' manager 'pengurus' racer 'pelumba'</p>		

--	--	--	--

- 6 -

...6/
[HMT 223]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

			Hujah
		derivasi ?	
II Bahasa Melayu	[c] kelabut, jelajah, telapak, selaput		
	[d] kartonis, artis, egois, cerpenis		
I	[e] pienso 'saya fikit' piensas 'kamu fikir' piensa 'dia fikir' pensamos 'kami fikir'.		

Bahasa Sepanyol pluma 'bulu ayam , satu' plumas 'bulu ayam , jamak' chico 'budak lelaki, seorang' chicos 'budak lelaki, jamak" señora, 'puan' señoritas 'puan-puan'	[f]		
--	-----	--	--

[40 markah]

...7/-

- 7 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

- [b] Bandingkan di antara proses infleksi dengan proses derivasi. (Gunakan data yang di bawah ini sebagai data tambahan jika perlu.) Masukkan jawapan anda ke dalam jadual yang berikutnya:

Data: Bahasa Inggeris drivers, workers, managers, racers *drivser, workser, managser, racser	Data: Bahasa Melayu menjelajahi, menyirami, menyentuh, memperkenalkan, mempersendakan, mempersoalkan, perkenalkan, persendakan, persoalkan.. *permemkenalkan, permensendakan, permemsoalkan
---	--

Jawapan: Jadual perbandingan (persamaan dan perbezaan) di antara infleksi dan derivasi:

Sifat-sifat infleksi dan contoh-contohnya	Sifat-sifat derivasi dan contoh-contohnya
_____	_____

[30 markah]

- 8 -

...8/-
[HMT 223]

Angka Giliran:

No. Tempat Duduk:

- [c] Pada pendapat anda, adakah bahasa Melayu mempunyai infleksi atau tidak. Dengan menggunakan contoh-contoh yang ada, yang baru ataupun yang terdapat daripada dialek kamu sendiri, bincangkan isu ini. (**Jawapan anda hendaklah ± 150 perkataan sahaja.**)

[30 markah]

...9/-

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

3. Telitikan konkordans bagi kata **besar** di bawah ini dan kemudian jawab soalan 3 A dan 3 B yang berikut:

- [a] En. Samad **membesarkan** rumahnya.
- [b] Buah cempedak di dusun Pak Usman **besar-besar** belaka.
- [c] Keputusannya berkahwin lagi **dibesar-besarkan**
- [d] Pokok-pokok pisang di kebunnya sedang **membesar**.
- [e] Ikan **besar-besar** yang kami tangkap kami eksport.
- [f] Ikan-ikan **besar** yang kami tangkap kami eksport.
- [g] Perbesarkan rajah kamu itu
- [h] Yang datang ke majlis itu merupakan orang **besar-besar** sahaja.
- [i] Pesta makanan kali ini dibuat secara **besar-besaran**.
- [j] Kanta **pembesar** di makmal itu sudah pecah.
- [k] **Pembesar** suara di dewan kuliah itu sudah hilang.
- [l] Beliau tersenarai sebagai penerima darjah **kebesaran**.
- [m] Dia mempunyai saham yang **terbesar** di dalam syarikat itu.
- [n] **Besarnya** rumah itu dua kali ganda Masjid Kapitan di Jalan Chulia .
- [o] Kami amat **berbesar** hati jika anda semua dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

3A. Nyatakan

- [i] proses morfologi
dan
- [ii] jenis yang terlibat dalam menerbitkan kata terbitan **besar** dalam konkordans di atas.

[30 markah]

3B. Tentukan

- [i] golongan kata bagi setiap kata terbitan yang terbentuk itu
dan
- [ii] buktikan jawapan anda dengan hujahan sokongan yang
memadai.

[30 markah]

3C. Apabila imbuhan daripada jawapan [a] anda, diimbuhkan kepada kata **besar**, apakah yang berlaku dari segi:

- [i] golongan kata
- [ii] Fungsi
- [iii] Maksud

[40 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Jadual Jawapan:

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

...13/-

- 13 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

...14/-

- 14 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

4. [a] *Tatabahasa Dewan* (1986) menetapkan penggunaan yang berikut ini merupakan satu kesalahan.

Banyak buku-buku; mereka-mereka yang ditangkap; semua pelajar-pelajar

Namun demikian bentuk penggunaan frasa atau ayat yang sebegini kerap didapati dan wujud dalam penulisan maupun lisan. Dengan menggunakan pengetahuan morfologi, jelaskan mengapa berlakunya penggunaan bentuk-bentuk yang tersebut dan mengapa pula Tatabahasa Dewan cuba menyekatnya.

...15/-

- 15 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

Page 10 of 10

— 1 —

www.nature.com/scientificreports/

www.nature.com/scientificreports/

www.nature.com/scientificreports/

[50 markah]

...16/-

- 16 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____ **No. Tempat Duduk:** _____

- [b] Terdapat beberapa pandangan tentang status kata-kata di bawah ini:

gotong-royong	mundar-mandir	<i>dolak-dalik</i>
<i>huru-hara</i>	<i>hiruk-pikuk</i>	<i>gegak-gempita</i>

Ada ahli bahasa Bahasa Melayu mengkategorikan kata-kata di atas sebagai kata ganda; iaitu kata ganda sifar, kata ganda rentak atau kata ganda berirama. Terdapat pula mereka yang mengkategorikan kata tersebut sebagai majmuk iaitu kata majmuk berirama dan bukannya kata ganda. Bincangkan pandangan-pandangan tersebut berdasarkan contoh di atas.

...17/-

- 17 -

[HMT 223]

Angka Giliran: _____

No. Tempat Duduk: _____

[50 markah]

-- oo000oo --